

RIAK BAHASA, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Dikelolakan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Diterbitkan dua keluaran setiap tahun, mulai Januari-Jun dan Julai-Disember. Mengandungi berita kebahasaan untuk dikongsikan kepada semua pembaca.

KANDUNGAN

Pena Editor	iii
<i>Noor Lenny Haji Mohamed Yusuf</i>	
Memastikan atau Memastikan	1
<i>Mohd. Azurin Othman</i>	
Pedalaman dan Pendalaman	4
<i>Rosni Salleh</i>	
Jenis-jenis Teks dalam Penterjemahan	6
<i>Annisa Haji Moxin</i>	
Perempuan dan Wanita	8
<i>Kamsiah Kassim</i>	
Kekangan Penggunaan Istilah dalam Bidang Pendidikan	11
<i>Masni Moktal</i>	
Pendekatan Intensional dan Ekstensional	14
<i>Hanif Bahrin</i>	
Peluasan Makna dalam Kosa Kata Bahasa Melayu Brunei	16
<i>Sozilawaty Mornie</i>	
Mari Belajar Bahasa Dusun	18
<i>Nurrasyiqah Jumat</i>	

Pengarah: Hajah Aminah Haji Momin • **Ketua Editor:** Hatnan Haji Buang • **Editor Penyelaras:** Noor Lenny Haji Mohamed Yusuf • **Editor:** Hanif Bahrin, Mahani Haji Jalil, Hajah Sozilawaty Haji Mornie, Muhammad Mubashsher Haji Sabli • **Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Pemasaran:** Haji Esa Kula • **Ketua Bahagian Seni Lukis, Reka Bentuk dan Seni Foto:** Haji Muhammad Sofiyuddin Haji Sani • **Penyelaras Reka Bentuk:** Haji Muhammad Sofiyuddin Haji Sani • **Penyelaras Atur Huruf:** Hajah Ramlah Haji Abd. Rahman, Hajah Norfulziah Haji Ismail

Diterbitkan oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

© Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Atur Huruf oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam

Dicetak oleh
Percetakan Aman Abadi Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Pena Editor

DEWASA BAHASA dan Pustaka berperanan penting dalam memperkasa dan mendaulatkan bahasa Melayu. Pelbagai inisiatif bagi merealisasikan dan mendukung matlamat ini, antaranya ialah menganjurkan bengkel, seminar, dan menerbitkan jurnal dan majalah yang bermatlamat ganda, iaitu selain sebagai bacaan, ia juga mendidik masyarakat tentang bentuk penggunaan bahasa Melayu yang baik dan benar.

Berhubung dengan penerbitan buku, khususnya majalah, penerbitan majalah mini *Riak Bahasa* ini juga dihasratkan untuk mendukung gerakan penggunaan bahasa Melayu baku yang baik dan benar. Maka, sebab itulah kandungan atau sajian artikel yang dimuatkan dalam majalah mini ini berkisar tentang penggunaan ejaan, istilah, tatabahasa, dan juga mengongsikan maklumat mengenai kebahasaan.

Usaha untuk mendukung bahasa Melayu ini diharap akan diterima dengan baik oleh masyarakat dan sedikit sebanyak akan dapat memupuk kesedaran, kesetiaan, dan kebanggaan terhadap bahasa dan bangsa kita, iaitu Melayu. Apa yang penting, kita sebagai penutur bahasa Melayu dan tinggal di negara Melayu yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi hendaklah menggembelng tenaga bersama jabatan ini agar sinergi untuk mendukung bahasa Melayu terbentuk dan seterusnya mampu mengukuhkan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Bahasa Jiwa Bangsa

Editor Penyelaras

Noor Lenny binti Haji Mohamed Yusuf



Mempastikan atau Memastikan

Mohd Azurin Othman

MASYARAKAT PENGGUNA bahasa terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama disebut sebagai kumpulan *language to the linguist* (LttL). Kumpulan ini bertanggungjawab menyediakan prasarana bahasa melalui aktiviti pengkodifikasian dan pembakuan bahasa yang dilakukan secara sedar dan berterusan. Bagi kumpulan ini, tatabahasa yang dibentuk diistilahkan sebagai tatabahasa preskriptif, iaitu bagaimana model bahasa yang sudah dibentuk, begitu juga praktisnya.

Kumpulan kedua disebut sebagai kumpulan *language to the users* (LttUs). Kumpulan ini besar, ramai dan memiliki latar belakang yang pelbagai dan berbeza serta disifatkan sebagai nukleus bahasa. Mereka ialah pengguna bahasa total yang mudah menyerap, mempraktis dan menyampaikan komunikasi berdasarkan leksikon dan tatabahasa yang mereka tahu. Mereka merasakan bentuk bahasa itulah yang betul, sesuai apa adanya, malah bentuk bahasa yang digunakan tersebut dianggap mantap kerana bahasa berkenaan sering digunakan.

Moral penjelasan di atas berkaitan dengan penggunaan kata terbitan *pasti*, sama ada *mempastikan* atau *memastikan*. Kata *mempastikan* lebih cenderung digunakan daripada kata *memastikan*. Bagi LttUs, kata *mempastikan* betul. Pandangan ini mungkin sahaja dikukuhkan berdasarkan sebab-sebab yang berikut, (1) sebutan dan penggunaan yang dilakukan bagi sesuatu perkataan itu secara berulang-ulang dan kerap, baik dalam wacana lisan mahupun tulisan menjadikan sesuatu perkataan tersebut tekal dan mantap penggunaannya, dan perkataan berkenaan kemudiannya diterima sebagai bentuk yang baku dan benar, (2) tiada yang salah bagi menggunakannya kerana perkataan tersebut tetap mendukung makna, baik secara visual, audio mahupun emosi makna yang dibawa oleh kata tersebut, dan (3) dari segi alomorf lingkungan fonologi, kata *mempastikan* menerbitkan bunyi tekanan (*stress*) berbanding menyebut kata *memastikan*. Bunyi tekanan yang dimaksudkan ialah ciri bunyi fonem /p/ adalah bunyi letupan berbanding menyebut fonem /m/, nasalisasi (sengauan). Bunyi letupan lebih

memperlihatkan tekanan berbanding bunyi fonem /m/ yang lembut dan nipis.

Berdasarkan hujah yang diberikan, apabila disebut kata *mempastikan*, ternyata kata ini telah membawa makna emotif yang bermaksud satu penegasan, dan arahan terhadap konteks. Sebaliknya apabila menyebut kata *memastikan*, bunyinya longgar dan sederhana sehingga makna emotifnya kurang menyengat.

Sementara bagi LttL, secara sejati sesuatu kata dasar dalam bahasa Melayu, pembentukan kata terbitan berdasarkan pola penyukuan kata dan juga peleburan bunyi fonem kata dasar berdasarkan pengaruh alomorf lingkungan fonologi. Mari kita perhatikan alomorf {meN-} yang mempunyai enam bentuk morfologi yang kita kenali sebagai morf, iaitu /me-/ , /mem-/ , /men-/ , /meny-/ , /meng-/ , dan /menge-/. Setiap satu morf tersebut diberi lambang alomorf /me~/ , /mem~/ , /men~/ , /meny~/ , /meng~/ , dan /menge~/.

Ilmu linguistik melalui bidang fonologi dan morfologi boleh menguji fenomena berkenaan. Berikut disusun dan diuji kosa kata bahasa Melayu yang bermula dengan fonem depan kata dasar /p/ yang ditanda miring:

<i>pasang</i>	<i>pukul</i>
<i>pasung</i>	<i>panggil</i>
<i>perap</i>	<i>pusing</i>
<i>pinggir</i>	<i>peram</i>
<i>pindah</i>	<i>pentas</i>
<i>pukau</i>	<i>parang</i>
<i>pakai</i>	<i>penggal</i>
<i>pelihara</i>	<i>panjang</i>

Dalam bahasa Melayu, sejatinya fonem depan kata dasar yang bermula dengan /p/ seperti yang disenaraikan di atas akan luluh apabila menerima alomorf {meN-}. Fonem /p/ dileburkan menjadi bunyi nasal seperti contoh berikut:

pasang	me + <i>pasang</i>	→	memasang
periksa	me + <i>periksa</i>	→	memeriksa
pukul	me + <i>pukul</i>	→	memukul
pasung	me + <i>pasung</i>	→	memasung
perap	me + <i>perap</i>	→	memerap

pinggir	me + <i>pinggir</i>	→	meminggir
panggil	me + <i>panggil</i>	→	memanggil
pindah	me + <i>pindah</i>	→	memindah
pukau	me + <i>pukau</i>	→	memukau
parang	me + <i>parang</i>	→	memarang
pakai	me + <i>pakai</i>	→	memakai
penggal	me + <i>penggal</i>	→	memenggal
panjang	me + <i>panjang</i>	→	memanjang
pusing	me + <i>pusing</i>	→	memusing
pelihara	me + <i>pelihara</i>	→	memelihara

Terdapat juga fonem /p/ yang masih kekal dan tidak luluh bunyinya apabila menerima morf {meN-}. Bentuk tersebut adalah seperti yang berikut:

Kata yang bersuku kata satu

pam	me + <i>pam</i>	→	mengepam
pin	me + <i>pin</i>	→	mengepin

Kata serapan daripada bahasa Nusantara dan bahasa Inggeris

pamer	me + <i>pamer</i>	→	mempamer
parafrasa	me + <i>parafrasa</i>	→	memparafrasa
polemik	me + <i>polemik</i>	→	mempolemik
popular	me + <i>popular</i>	→	mempopularkan
proses	me + <i>proses</i>	→	memproses
provokasi	me + <i>provokasi</i>	→	memprovokasi

Selain itu, terdapat pengecualian dalam erti kata fonem /p/ masih kekal apabila menerima alomorf {meN-} bagi kata dasar berikut: *percaya*, *perkara*, *perkasa*, *pesona*, *prihatin*, dan *punya* yang masing-masing menjadi *mempercaya*, *memperkara*, *memperkasa*, *mempesona*, *memprihatinkan*, dan *mempunyai*.

Berbalik kepada perbincangan asal iaitu penggunaan mana yang betul, sama ada *mempastikan* ataupun *memastikan*. Fonem kata dasar *pasti* apabila menerima alomorf {meN-}, maka fonem /p/ depan kata dasar lebur menjadi bunyi sengau me + p → mem-. Jadi, penggunaan yang betul ialah **memastikan** bukan **mempastikan**.

Pedalaman dan Pendalaman

Rosni Salleh

PADA DASARNYA bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam seperti yang termaktub dalam perlembagaan. Majoriti penduduk negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan puak menjadikan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*. Sebagai penduduk yang bernaung di negara Melayu ini, kita perlu memahami dan menggunakannya dengan betul, sama ada dalam percakapan atau dalam pelbagai urusan.

Walaupun bahasa Melayu itu dianggap mudah, tetapi masih sering didapati kesalahan dalam penggunaan sesuatu perkataan yang berlainan makna, sama ada dalam media massa atau oleh orang perseorangan. Contohnya, penggunaan kata **pedalaman** dan **pendalaman**.

Dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, kata **pedalaman** dan **pendalaman** adalah daripada kata dasar yang sama, iaitu **dalam**.

pedalaman

1. Kawasan atau daerah yang letaknya jauh dari pantai (yang terletak di ceruk pelosok atau di hulu negeri).

Contoh pemakaian kata:

1. *Dia menjadi orang yang berpengaruh di daerah **pedalaman**.*
 2. *Di **pedalaman** terdapat fauna yang jarang kita temui.*
2. Kawasan terpencil yang terletak jauh dari kota dan kurang berhubung dengan dunia luar.

Contoh pemakaian kata:

1. *Pada masa perang, rakyat mengungsi ke **pedalaman**.*
2. *Penjahat-penjahat sedang bersembunyi di kawasan **pedalaman**.*

pendalaman

1. Proses (perihal, perbuatan) mendalamkan.

Contoh pemakaian kata:

Pendalaman selokan dan parit dilakukan untuk mencegah bahaya banjir.

2. Proses (perihal, perbuatan) mendalami.

Contoh pemakaian kata:

Pendalaman ilmu silat.

Kekeliruan menggunakan perkataan tersebut haruslah diatasi dalam kalangan masyarakat yang menjadi penutur asli bahasa Melayu. Berbahasa biarlah betul.

Bibliografi

Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* Edisi Kedua. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jenis-jenis Teks dalam Penterjemahan

Annisa Haji Moxsin

DALAM PENTERJEMAHAN, menganalisis dan mengenal pasti jenis-jenis teks adalah salah satu proses yang amat penting untuk dilakukan sebelum menterjemah. Karl Bühler (dipetik dalam Munday, 2008) mengklasifikasi teks menurut fungsi-fungsi penanda linguistiknya kepada tiga, iaitu:

1. Informatif (*Darstellung*)

Teks informatif dikenali melalui ciri-ciri teks yang mengandungi fakta komunikasi yang jelas dan berfungsi sebagai pemberi maklumat (contoh: berita, pengetahuan, maklumat, hujah, pendapat, perasaan, pertimbangan, niat, dan lain-lain).

Contoh:

Each taxi is staffed by a security officer and Safe City cameras monitor the ranks during operating hour.

Setiap teksi dikendalikan oleh seorang pengawal keselamatan dan dipantau menggunakan kamera *Safe City* sewaktu beroperasi.

2. Ekspresif (*Ausdruck*)

Teks ekspresif melibatkan ‘komposisi yang kreatif’ serta ‘pembentukan artistik terhadap konteks’. Penulis secara sedar mengeksploitasikan unsur-unsur ekspresif dan asosiatif bahasa untuk menyampaikan pemikiran beliau dengan cara yang artistik dan kreatif (Taiko J, 2009, ms 7).

Contoh:

For the Melbourne city dwellers, as night befalls, the hype doesn't seem to ebb.

Penghuni kota Melbourne seakan tidak pernah lelap dalam kebisingan kota rayanya.

3. Operatif atau Vokatif (*Appell*)

Teks operatif atau vokatif berbentuk pujukan atau perintah dan bermaksud untuk mendorong ‘tindak balas tingkah laku’ (*behavioural responses*) pembaca teks sasaran. Teks boleh dianggap sebagai berbentuk rangsangan terhadap tindakan atau reaksi kepada pihak pembaca.

Contoh:

Pick one up from the Youth Street Teams or city police stations around town, and read up on Safe City taxi ranks, NightRider buses, trains....

Sila dapatkan risalah daripada Kumpulan Belia Jalanan atau balai-balai polis sekitar bandar dan baca mengenai teksi-teksi *Safe City, bas-bas NightRider*, kereta api-kereta api....

Walau bagaimanapun, dalam membuat analisis, harus difahami bahawa tiada satu teks yang mewakili hanya satu fungsi sahaja, masing-masing mempunyai campuran yang tersendiri antara informatif, ekspresif, dan juga vokatif.

Bibliografi

Munday J, 2008. *Introducing translation studies*. Theories and application, 2nd edn, Routledge, London and New York.

Taiko J, 2009. <<http://www.scribd.com/doc/21553104/11-Text-Types-readings-in-Translation-Theories>>, pada 10 Mei 2011.

Perempuan dan Wanita

Kamsiah Kassim

KATA YANG diucapkan mempunyai pengertian yang tersendiri. Seperti kata **perempuan** dan **wanita**, kata ini sering kita dengar dan ucapkan, tetapi mempunyai persepsi yang berbeza walaupun merujuk kepada orang yang sama.

Berdasarkan kepada status atau karier seseorang, kata **perempuan** atau **wanita** itu boleh mengangkat martabat seseorang. Merujuk *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* edisi kedua, **perempuan** bermaksud orang (manusia) yang menjadi pasangan kepada laki-laki dan **wanita** pula dikategorikan sebagai bahasa halus bagi perempuan dewasa. Dalam *Kamus Dewan* edisi keempat, **perempuan** itu bermaksud wanita lawan laki-laki dan **wanita** pula dikategorikan sebagai bahasa halus bagi orang perempuan, lawan lelaki. Berdasarkan makna yang termuat dalam kedua-dua kamus tersebut, bolehlah dikatakan **perempuan** dan **wanita** itu bersinonim. Perbezaannya ialah wanita dilabelkan sebagai bahasa halus, tetapi ia juga pasangan bagi orang lelaki.

Untuk melihat perbezaan status **perempuan** dan **wanita** itu jelas pada gabungan kata, seperti **perempuan** joget, **perempuan** gatal, **perempuan** jalang, **perempuan** lacur, dan **perempuan** simpanan yang mempunyai konotasi yang negatif. Kata **wanita** pula sering dikaitkan dengan karier seseorang, seperti polis wanita dan askar wanita, tetapi apabila merujuk jantinya akan disebut **perempuan**.

Cuba lihat contoh ayat ini:

- a) “Anak perempuannya yang sulung berkhidmat sebagai askar wanita.” Tidak pula disebut, “Anak wanitanya yang sulung berkhidmat sebagai askar wanita.”
- b) “Perempuan itu bekerja sebagai polis wanita.” Tidak pula disebut, “Wanita itu bekerja sebagai polis perempuan.”

Begitu juga dalam pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan yang dikendalikan oleh orang **perempuan** akan disebut sebagai pertubuhan **wanita** atau persatuan **wanita**. Mengapa ini terjadi? Seolah-olah martabat **wanita** itu lebih tinggi daripada **perempuan** sedangkan ia merujuk kepada individu yang sama. Mungkin kata **wanita** itu lebih elok dan manis didengar. **Wanita** juga sering dikaitkan dalam ungkapan **wanita** anggun, **wanita** berprestij, **wanita** terunggul, dan **wanita** bertamadun yang memperlihatkan keperibadian **wanita** itu sendiri. Kalau dilihat, makna **perempuan** dan **wanita** itu memang bersinonim. Maka tidak salah kita menggunakan **perempuan** anggun, **perempuan** berprestij, **perempuan** terunggul, dan **perempuan** bertamadun, tetapi agak janggal dan kaku untuk mengubah ungkapan tersebut, kerana sudah terbiasa dan serasi dengan ungkapan itu yang sememangnya sedap didengar dan manis dituturkan.

Ada pula kata **perempuan** itu terangkat martabatnya apabila digunakan dalam kalangan kerabat diraja, seperti yang berlaku di Malaysia. Ungkapan **Raja Perempuan** bermaksud permaisuri, iaitu isteri kepada seorang raja, dan raja pula mempunyai kedudukan yang tinggi dalam sesebuah negeri atau kerajaan.

Perempuan dan **wanita** itu sama dengan anak dara dan gadis, tetapi tidak boleh disinonimkan kerana kata ini mempunyai makna yang berbeza sedikit sekalipun jantina sama. **Anak dara** dan **gadis** itu hanya merujuk kepada orang yang masih bujang, iaitu belum pernah berkahwin, dan juga dikenali sebagai perawan atau remaja. Perhatikan ayat di bawah ini:

1. **Anak dara** itu sudah mempunyai dua orang anak.
2. **Gadis** itu berjalan bersama suaminya.

Di manakah silapnya ayat ini? Kalau melihat takrif **anak dara** dan **gadis**, ayat ini memang salah. Ayat ini sepatutnya diperlakukan seperti yang berikut:

1. **Perempuan/wanita** itu sudah mempunyai dua orang anak.
2. **Perempuan/wanita** itu berjalan bersama suaminya.

Ada juga yang menggantikan kata **perempuan** dan **wanita** itu sebagai kaum hawa dan kaum ibu. Apabila kita melihat dari perspektif sejarah, Hawa itu sebenarnya nama isteri Nabi Adam a.s., iaitu ibu pertama yang melahirkan zuriat di muka bumi ini, yang menjadikan berlainan jantina, berlainan bangsa, dan berlainan agama. Disebut saja kaum ibu, orang akan beranggapan mereka ini ialah perempuan yang sudah bersuami dan melahirkan anak.

Kita juga sering menemui iklan di majalah-majalah, di papan-papan tanda, dan sebagainya yang berkaitan dengan **perempuan** dan **wanita**, umpamanya Kedai Jahit **Wanita**, Kedai Jahit **Perempuan**, Salon Kecantikan **Wanita**, **Wanita** Serikandi Negara, dan sebagainya. Terdapat juga majalah yang dinamakan dengan *Wanita*, *Perempuan*, *Jelita*, *Ibu*, dan sebagainya yang memaparkan perihal **perempuan** atau **wanita**.

Di Negara Brunei Darussalam, kata **bini-bini** lebih popular sebagai bahasa percakapan yang digunakan seharian untuk merujuk kepada semua kata yang disebutkan di atas. Daripada anak, isteri, ibu sehinggalah kepada nenek, sama ada tua atau muda, semuanya disebut **bini-bini**.

Kesimpulannya, **perempuan**, **wanita**, **anak dara**, **gadis**, **kaum ibu** dan **kaum hawa** itu mempunyai persamaan dengan merujuk jantainya, tetapi berlainan makna dan konsep. Kalau kita bijak memilih kata, apa yang kita tuturkan dan coretkan dalam kertas itu akan menjadi bahasa yang indah dan sopan. Terpujanglah kepada pembaca untuk menilai ketepatan makna tersebut.

Bibliografi

- Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* Edisi Kedua. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005. *Kamus Dewan* Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kekangan Penggunaan Istilah dalam Bidang Pendidikan

Masni Moktal

MENURUT *KAMUS Dewan*, istilah ialah perkataan yang mempunyai pengertian yang spesifik dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (pekerjaan atau kesenian). Melalui definisi ini dapat kita fahami bahawa istilah (*technical term*) merupakan kata atau frasa yang mengungkapkan konsep khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesion. Secara tidak langsung, dapat kita simpulkan bahawa istilah merupakan satu korpus bidang ilmu yang luas dan mempunyai signifikan dengan alam sekitar dan kehidupan sehari-hari.

Adapun pembentukan istilah itu diimplementasikan dalam bidang ilmu melalui tiga cara, iaitu penterjemahan, penyerapan, dan gabungan penterjemahan dan penyerapan. Ketiga-tiga pembentukan istilah ini biasanya diambil daripada istilah Inggeris yang juga merupakan istilah antarabangsa.

Merujuk kepada dunia pendidikan, para pelajar biasanya kurang menggunakan istilah-istilah umum dalam pembelajaran. Hal ini adalah disebabkan para pelajar masih lagi terikat dengan bahan pendidikan yang terhad tanpa inisiatif dan sensitiviti untuk mencari bahan luar, walaupun pelajar berkenaan mengetahui bahawa terdapat banyak penggunaan istilah baru dalam pendidikan. Hal ini menyebabkan mereka hanya mencedok bahasa-bahasa istilah tertentu yang hanya dalam lingkungan pembelajaran pelajar di sekolah. Masalah ini juga berpunca daripada sikap kurang membaca, tidak minat terhadap pelajaran yang dipelajari, kurang motivasi daripada diri dan guru, serta takut untuk membuat sebarang bentuk perubahan dan kritikan. Akhirnya lahirlah generasi yang mempunyai kredibiliti yang kurang kreatif dan tidak mampu pergi jauh dalam sesuatu bidang disebabkan keterbiasaan dalam memfokuskan kepada satu-satu perkara tertentu, seperti istilah yang hanya diketahui dan dipelajari di sekolah sahaja.

Jika dikaji secara mendalam, para pelajar pada masa ini kebanyakannya tahu membaca dan menulis, tetapi masih lagi kurang dalam aspek tertentu, seperti kesalahan yang sering dilakukan dalam

membina ayat atau karangan. Pelajar kurang menyerapkan ayat-ayat gramatis dan menarik serta hanya menggunakan ayat-ayat yang biasa digunakan secara umum dan dasar. Dalam hal ini, siapakah yang patut dipersalahkan? Inilah persoalan dunia pendidikan pada dekad ini. Sebagai sebuah negara yang beridentitikan Melayu Islam Beraja dan berlandaskan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Pindaan 2004 yang memaktubkan bahawa bahasa Melayu itu sebagai bahasa rasmi negara, maka bahasa Melayu itu memerlukan perkembangan dan penggunaan secara meluas. Bahasa Melayu perlu diaplikasikan dan diserapkan kepada setiap individu seawal zaman kanak-kanak lagi, sebagaimana titah KDYMM sempena sambutan hari guru yang ke-22 bagi tahun 2012 baru-baru ini yang antara lain menyatakan:

“Sehubungan ini, usaha mestilah dipertingkatkan lagi bagi menutupi kekurangan guru-guru tempatan yang mengajar dua bidang berkenaan iaitu Bahasa dan Matematik. Apabila beta menyebut ‘Bahasa’, bukanlah terhad kepada bahasa Inggeris sahaja. Malah juga bahasa Melayu sendiri, kerana khabar-khabarnya markah Bahasa Melayu dalam ujian atau peperiksaan sering didapati rendah berbanding markah Bahasa Inggeris. Kalaulah ini benar, mengapakah pelajaran Bahasa Melayu juga tidak dikuatkan? Ingatlah, bahasa itu jiwa bangsa.”

Daripada petikan titah KDYMM di atas, dapatlah dirumuskan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang perlu dan wajib bagi masyarakat Brunei. Dalam hubungan ini, para guru memainkan peranan utama sebagai peneraju bagi membentuk kefahaman pelajar dalam bidang bahasa Melayu selain didikan awal dari rumah. Apa yang penting, seorang guru perlu mempunyai komitmen dalam memperkembang dan memperkaya penggunaan istilah dalam pengajaran agar ia dapat diserap oleh pelajar, sama ada secara intrinsik mahupun ekstrinsik. Dalam kata lain, ia bertujuan untuk memancing minat pelajar agar bahasa Melayu itu dipandang sebagai bahasa yang dinamik dan sentiasa berkembang bagi mengelak pandangan stereotaip sesetengah pihak yang memandang bahasa Melayu sebagai bahasa yang konservatif, sempit, tertutup, bersifat konsisten, dan kurang dapat diaplikasikan dalam hal-hal yang memerlukan istilah tertentu dalam bahasa Melayu.

Kesedaran guru mengenai peristilahan baharu dalam istilah bahasa Melayu amat perlu sebagai persediaan awal agar guru itu dapat menyumbangkan sesuatu yang baharu dan membuka mata serta minda pelajar yang selalu memandang bahasa Melayu sebagai bahasa yang tidak penting, bahkan kurang bersifat fungsional sehingga para pelajar lupa dan mengabaikan kepentingan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Inilah tanggapan yang perlu dihakis oleh guru agar bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai sebuah bahasa yang dapat digunakan dalam segenap lapangan dan pelajaran secara holistik dan ditumbuhsurkan dengan rasa kepemilikan dan kecintaan terhadap bahasa Melayu.

Di samping itu, guru perlu sentiasa peka dan mempunyai kesedaran serta sentiasa mengikuti perkembangan semasa dengan mengikuti bengkel atau kursus yang berkaitan dengan bidang istilah agar tidak ketinggalan dalam memanifestasikan istilah-istilah baharu yang perlu diguna pakai dan ada hubung kait dengan apa yang diajarkan selain daripada menggunakan istilah-istilah umum yang sudah sinonim didengar dan digunakan sejak dahulu lagi. Inisiatif guru bagi memenuhi keperluan ini hendaklah dipelbagaikan, antaranya adalah dengan membiasakan pelajar membaca bahan-bahan berbentuk ilmiah, sama ada melalui laman sesawang atau yang berbentuk terbitan, di samping menekankan bidang-bidang kebahasaan seperti kosa kata, fonetik, morfologi, dan lain-lain.

Berdasarkan hal ini, guru perlu mempunyai persiapan dari segi ilmu pengetahuan yang luas dan bukan hanya bersandarkan ruang lingkup dan sukatan pelajaran yang mungkin agak terhad. Ini kerana peranan guru sebagai fasilitator itu perlu dihayati pengertiannya secara mendalam agar objektif pengajaran guru itu dapat dilaksanakan dengan baik, yang merangkumi penggunaan istilah-istilah yang signifikan dengan konsep ayat atau perkataan yang digunakan dalam pengajaran guru.

Pendekatan Intensional dan Ekstensional


Hanif Bahrin

PENDEKATAN INTENSIONAL dan ekstensional merupakan dua jenis pendekatan makna yang termasuk dalam kajian semantik (makna). Menurut Abdullah Hassan (1989, hlm. 207), intensional dan ekstensional ialah pendekatan makna yang berbeza. Menurutnya, intensional ialah apa saja yang mendefinisikan sesuatu ungkapan. Manakala, ekstensional pula ialah sesuatu ungkapan yang mempunyai makna.

Intensional berasal daripada perkataan *intention* yang membawa maksud niat. Namun dalam pelaksanaan pendekatan makna, intensional itu sebenarnya apa yang terdapat di dalam sesebuah leksikal itu dan makna yang disempitkan. Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin dan Noor Ein Mohd. Noor memperkatakan tentang makna sempit (1992, hlm. 172–173), iaitu makna yang menyimpang dan bahasa itu sendiri menerima makna sempit dalam gabungan tertentu. Contoh leksikal *mulut*, maksud mulut itu ialah salah satu organ pertuturan, tetapi jika memperkatakan tentang intensionalnya (makna sempit), mulut itu dapat dilihat melalui beberapa faktor iaitu cirinya, fungsinya, dan konotasi sahaja. Ciri-ciri mulut itu ialah ada bibir, bentuk bibir ada yang bulat, ada yang leper, dan bermacam-macam lagi. Fungsi mulut adalah untuk bercakap, untuk makan, dan sebagainya. Dari segi konotasinya, mulut dapat dianalisis dengan cara memperhatikan nada perkataan mulut itu diutarakan oleh penutur, contohnya jika penutur itu meninggikan suaranya, ini membawa maksud bahawa penutur marah terhadap seseorang dengan menyebut “mulut!”. Begitu juga sebaliknya jika nada suara penutur lemah lembut, ini boleh juga dikonotasikan sebagai marah atau menyindir atau memuji.

Ekstensional pula diertikan sebagai makna luas. Sesebuah kata leksikal itu dapat diluaskan maknanya dengan menambah unsur X (leksikal + unsur X), contohnya leksikal mulut + unsur X (mulut + tempayan = mulut tempayan). Mulut tempayan di sini ialah ekstensional bagi leksikal mulut yang asal, boleh juga mulut itu ditambah lagi dengan unsur-unsur yang lain untuk menunjukkan makna asal yang diluaskan, seperti mulut murai, mulut tumpis, dan sebagainya. Zaiton (1991, hlm.

98–99) pula memberikan contoh mengenai leksikal yang mempunyai beberapa makna seperti kata *bank*. Ada dua item leksikal untuk bank, iaitu (1) memerikan tebing sungai, dan (2) menceritakan institusi kewangan yang dirujuk oleh bentuk fonologi yang sama. Abdullah Hassan (1983, hlm. 148–149) menguatkan lagi hujah ini dengan rajah yang berikut:



Rajah di atas menunjukkan bahawa ada satu kata (leksikal) yang mempunyai pelbagai pengertian dan ada juga pelbagai leksikal yang mempunyai satu pengertian.

Kesimpulannya, pendekatan intensional ialah makna yang disempitkan. Pendekatan ekstensional pula dapat difahami sebagai makna yang meluas.

Bibliografi

- Abdullah Hassan (Terj.), 1989. *Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (Peny.), 1983. *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin dan Noor Ein Mohd. Noor (Terj.), 1992. *Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Guntur Tarigan, 1985. *Pengajaran Semantik*. Bandung: Angkasa.
- Zaiton A.B. Rahman (Terj.), 1991. *Teori Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Peluasan Makna dalam Kosa Kata Bahasa Melayu Brunei

Sozilawaty Mornie

BAHASA MELAYU Brunei merupakan salah satu bahasa pertuturan harian di Negara Brunei Darussalam. Seperti lazimnya, setiap bahasa berkembang dalam sesebuah masyarakat, begitu juga bahasa Melayu Brunei yang bersifat dinamik dalam peluasan makna kosa katanya. Sungguhpun begitu, masih banyak lagi yang belum sempat dirakam dan didokumentasikan.

Ada beberapa kosa kata bahasa Melayu Brunei yang berkembang dalam bentuk peluasan maknanya. Generasi pertengahan bijak menggunakan kosa kata bahasa Melayu Brunei sebagai kiasan yang menjadikan kosa kata tersebut berkembang. Contoh kosa kata yang dipetik daripada *Kamus Bahasa Melayu Brunei* yang mengalami unsur-unsur peluasan makna, seperti di bawah:

janjit – tidak teguh bentuk (keadaan) sesuatu benda.

Contoh:

- a) *Janjit usulnya cincin kan kaubali ani dang.*
- b) *Luan janjit naindah karang ani, inda berapa tahan kan dipakai.*

mumut – 1. mumut (tentang kayu, papan dan sebagainya).

Contoh:

- c) *Bisai-bisai bejajah, ada udah mumut papan atu.*
- d) *Abis mumut rumah atu dimakan anai.*

mumut – 2. kiasan terlalu tua (tentang orang).

Contoh:

- e) *Mumut udah nini atu kan membintur lagi.*

Mari Belajar Bahasa Dusun

Nurrasyiqah Jumat

SEPERTI YANG kita maklum bahawa puak Dusun termasuk dalam tujuh puak jati Melayu Brunei. Dusun juga dikenali sebagai Sang Jati Dusun. Bahasa Dusun banyak dituturkan di kawasan Daerah Tutong dan majoriti penuturnya terdiri daripada golongan yang berumur. Jadual yang di bawah ini merupakan beberapa kata sapaan dalam bahasa Dusun yang digunakan seharian.

Bahasa Melayu	Bahasa Dusun
Soalan: Apa khabar awak? Jawapan: Khabar baik	Uno beritomu? Moncoi
Soalan: Apa khabar ibumu? Jawapan: Khabar baik	Uno berito inamu? Moncoi
Soalan: Siapakah nama awak? Jawapan: Nama saya Eren	Esoi ngaranmu? Ngaran jayi Eren
Soalan: Umur awak berapa tahun? Jawapan: Umur saya 18 tahun	Puro taun umurmu? Umur jayi pad walu taun
Soalan: Awak hendak ke mana? Jawapan: Saya hendak pergi kerja	Manau li dombo kau? Jayi kan manau krojo
Soalan: Awak suka makan apa? Jawapan: Saya suka makan ayam goreng	Uno suka mu makan? Jayi suka makan manuk guring
Soalan: Awak datang dari mana? Jawapan: Saya datang dari Tutong	Tad dombo ikod mu? Jayi mikod tad Laud
Soalan: Pukul berapa sekarang? Jawapan: Sekarang baru pukul tujuh pagi	Pukul puro sudah? Taman pukul turu sambut

Bahasa Dusun sudah mula kurang dituturkan, terutama sekali dalam kalangan generasi muda. Oleh yang demikian, generasi muda selaku pemilik bahasa itu seharusnya mempraktikkan bahasa ibunda mereka sendiri dan menghargainya sebagai bahasa warisan agar tidak pupus ditelan zaman.

رياق بهاس

Riak Bahasa

Bil.: 11

1434 شعبان - صفر • Januari-Jun 2013

Borang Cadangan

Nama:

Alamat Sekolah/Pejabat/Rumah:

.....

.....

No. Tel. Bimbit: No. Tel. Sekolah/Pejabat:

Alamat e-mel:

Sila kemukakan sebarang usul dan pandangan awda:

.....

.....

.....

.....

Alamatkan kepada:

Ketua Editor **Riak Bahasa**

Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510

Negara Brunei Darussalam

☎: 2380472

☎: 2382511 sambungan 172, 158, 152, 134, 116

atau e-mel: riakbahasa.dbp@gmail.com



